

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : COVID-19

# 186 'diberikan' kuasa

Pengamal perubatan swasta diizinkan kendali kes positif coronavirus

Bernama

Putrajaya

Seramai 186 pengamal perubatan swasta diberikan kuasa mengikut Seksyen 10 (2) Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 bagi mengendalikan kes positif Covid-19 berkuat kuasa hari ini, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, mereka berkuasa mengeluarkan perintah pengawasan dan pe-

merhatian di rumah atau Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 serta arahan pemakaian gelang kuarantin.

"Pengamal perubatan swasta ini dibenarkan mengendalikan kes positif Covid-19 di tempat mereka bekerja sama ada di klinik atau hospital swasta," katanya selepas melancarkan buku *The Covid-19 Chronicles of Malaysia/Navigating the Storm* di sini, semalam.

Mengenai pecahan pengamal perubatan swasta terbabit mengikut negeri, Dr

Adham berkata, Selangor mempunyai jumlah tertinggi iaitu 66 diikuti Kuala Lumpur (43), Johor (26), Pulau Pinang (16) dan Negeri Sembilan (13).

Selebihnya adalah masing-masing empat di Melaka dan Perlis, Perak serta Terengganu masing-masing tiga, Pahang, Kelantan dan Sabah masing-masing dua manakala Kedah dan Putrajaya masing-masing satu.

Dr Adham berkata, Pejabat Kesihatan Daerah diberi tanggungjawab menyediakan garis panduan ke-

pada pengamal perubatan swasta terbabit.

Mengenai proses vaksinasi bagi barisan hadapan, Dr Adham berkata, sasaran 60 peratus daripada 500,000 petugas barisan hadapan mendapat suntikan vaksin Covid-19 dijangka dicapai minggu ini.

Hingga kini, katanya, 195,923 individu mendapat suntikan.

Seramai 4.68 juta rakyat negara ini mendaftar untuk menerima suntikan vaksin Covid-19 melalui aplikasi MySejahtera.

## Hari kelima kes bawah 2,000

Kuala Lumpur: Kes baharu positif Covid-19 mencatatkan bawah 2,000 kes buat lima hari berturut-turut apabila sebanyak 1,448 kes direkodkan, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu menjadikan kumulatif kes positif Covid-19 negara ini adalah 317,717.

Menurutnya, kes baharu positif Covid-19 berkenaan membabitkan 1,438 penduduk tempatan dan 10 warganegara asing.

"Selangor masih melaporkan kes harian baharu tertinggi dengan 561 kes. Sebanyak 484 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan ketika ini.

"Ia diikuti Johor yang melaporkan 273 kes dan Sarawak 199 kes," katanya.

Beliau berkata, kes sembuh juga terus mencatatkan angka mengatasi jumlah kes baharu semalam de-



ngan 2,137 kes menjadikan jumlah kes sembuh adalah 298,516 kes.

"Lima kes kematian dicatatkan pada hari ini (semalam) membabitkan dua kes di Selangor dan masing-masing satu kes di Johor, Melaka serta Sabah.

"Semua kes kematian itu membabitkan warganegara dan jumlah itu menjadikan keseluruhan kematian disebabkan Covid-19 di negara ini sebanyak 1,192 kes," katanya.

Menurutnya, ketika ini terdapat seramai 151 kes yang sedang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 72 kes memerlukan bantuan alat pernafasan.

### Tinjau pusat vaksin



MENTERI Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin melakukan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin Klinik Kesihatan Rembau, semalam.

## Lima lagi kluster baharu dikenal pasti

Kuala Lumpur: Lima kluster baharu Covid-19 dikenal pasti semalam dengan dua kluster berkaitan tempat kerja, dua kluster membabitkan komuniti dan satu kluster import.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, kluster tempat kerja berkenaan ialah Parit Penyengat Darat di Johor dan kluster Dagang Permai

di Selangor.

Beliau berkata, kluster komuniti pula membabitkan Sungai Puteh di Selangor dan Melor di Sarawak manakala kluster import dikenal pasti sebagai kluster Pona di Johor.

Sementara itu, Dr Noor Hisham mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pembantu Perubatan kepada semua Penolong Pegawai Perubatan di pelbagai sektor

kesihatan di Malaysia.

"Tarikh 10 Mac diisytiharkan sebagai Hari Pembantu Perubatan dan tahun ini adalah tahun ke-10 ia diraikan di seluruh negara dengan tema Bersama Pembantu Perubatan Memerangi Covid-19," katanya, semalam.

Menurutnya, sebagai profesion barisan hadapan dalam perkhidmatan kesihatan negara ini, peranan me-

reka sangat penting bagi memastikan kesihatan rakyat terjaga dan rakyat mendapat perkhidmatan terbaik daripada mereka.

"Semoga kumpulan profesion ini dapat terus memainkan peranan penting dan bekerjasama sebagai sebuah pasukan bersama dengan profesion perubatan lain khususnya dalam membendung wabak Covid-19 di negara kita," katanya.

## 585 beboli vaksin dipulung semula

Rembau: Hanya 585 vial (beboli) vaksin Covid-19 keluaran Pfizer-BioNTech dipulung semula kepada syarikat itu selepas didapati rosak ketika dibawa ke negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin berkata, dos vaksin itu rosak ketika dalam perjalanan dari kilang di Belgium ke Malaysia.

Menurutnya, vaksin itu perlu disimpan dalam suhu kadar serendah negatif 70 darjah Celsius (-94 Fahrenheit) dan ke bawah.

"Suhu penyimpanan vaksin itu berubah dan meningkat daripada negatif 70 kepada yang tidak boleh diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Jadi 585 vial (beboli) vaksin itu dipulungkan semula kepada syarikat Pfizer. Bagaimanapun jika mengambil kira jumlah dos vaksin yang diterima mencecah 500,000, nisbah itu adalah kecil.

"Pfizer akan menggantikan semula dos yang dipulungkan itu," katanya selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Klinik Kesihatan Rembau di sini, semalam.

Turut hadir, Ahli Dewan

Undangan Negeri (Adun) Chembong, Datuk Zaifulbahri Idris dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNNS), Datin Dr Harlina Abdul Rashid.

Dalam pada itu, Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan berkata, setakat ini tiada kes kesihatan serius membabitkan penerima vaksin sebaliknya ia hanya alahan kecil dan dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam.

Menurutnya, setakat ini 150,000 individu terutama membabitkan petugas barisan hadapan sudah menerima suntikan vaksin dalam fasa pertama.

Katanya, proses suntikan vaksin fasa pertama ketika ini tidak perlu dipercepatkan kerana kadar ketika ini sudah dianggap yang terbaik selain ia juga bergantung kepada penjadualan penghantaran dos daripada pembekal.

"Jika jadual penghantaran vaksin dapat dibuat sepenuhnya pada Mac seperti dijanjikan pembekal, maka pada akhir bulan ini kita dapat selesaikan sekurang-kurangnya dos pertama kepada penerima yang tersenarai fasa pertama," katanya.